PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS

ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024
1249/1
SEJARAH
Kertas 1
September
1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D*.Pilih satu jawapan yang terbaik bagi setiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[*Lihat halaman sebelah*]

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** *dan* **D**.

6 Gambar menunjukkan seorang askar Melayu yang telah berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita.



Koperal Yaakob Bidin

Mengapakah beliau dianugerahi pingat Military Medal?

A Semangat keberanian
B Semangat kesetiaan
C Semangat kekitaan
D Semangat ketaatan

7 Bagaimanakah rakyat Tanah Melayu menentang Malayan Union?

I Menghantar surat bantahan
II Membawa kes ke mahkamah
III Mengadakan Kongres Melayu
IV Menggunakan akhbar tempatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Apakah faktor penyerahan Sabah kepada British?


A Kelemahan pemerintah
B Permintaan penduduk
C Desakan pelabur
D Masalah kewangan

9 Antara berikut yang manakah wakil Raja-raja Melayu dalam Jawatankuasa Kerja penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

I Dato' Onn Jaafar
II Dato' Hamzah Abdullah
III Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud
IV Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Gambar berikut menunjukkan logo yang digunakan oleh Parti Perikatan pada tahun 1954.



Kapal layar

Mengapakah logo tersebut dipilih?

A Kehebatan melantik pemimpin
B Kemampuan membentuk negara
C Kesediaan menempuh cabaran
D Kesedaran memerintah sendiri

15 Jadual berikut berkaitan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 yang ditubuhkan di negara kita.

Komposisi ahli MPP	Keanggotaan
52 orang	Ahli yang dipilih melalui pilihan raya
35 orang	Ahli lantikan mewakili kumpulan berkepentingan seperti keusahawanan,perlombongan,perindustrian dan pertanian
11 orang	Menteri Besar mewakili negeri
2 orang	Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
Jumlah 100	

Apakah kesan penubuhan MPP tersebut terhadap pembentukan demokrasi?

A Kemerdekaan negara disegerakan
B Kekuasaan British bertambah
C Kepelbagaian parti politik
D Kerajaan pimpinan rakyat

16 Apakah nilai kepimpinan yang ditunjukkan menerusi pembentukan kabinet pertama PersekutuanTanah Melayu?

A Bertoleransi
B Berhemah
C Berdikari
D Berwibawa

26 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?

A Melantik Perdana Menteri
B Mengetuai angkatan tentera
C Menjadi Lembaga Pengampunan
D Menasihati Pesuruhjaya Tinggi


27 Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964.
Apakah tujuan penubuhan kementerian tersebut?

A Menyediakan perumahan kos rendah
B Melaksanakan rancangan pembangunan tanah .
C Menggalakkan kegiatan pelancongan domestik
D Mewujudkan kawasan perindustrian ringan

28 ESSCOM diwujudkan untuk menambah baik aspek keselamatan dalam usaha mengembalikan semula ketenteraman.
Negeri manakah yang diberikan tumpuan?

A Pulau Pinang
B Pahang
C Sabah
D Johor

29 Rajah berikut berkaitan dengan cadangan awal pembentukan Malaysia.



Siapakah tokoh X ?

A Sir Malcolm MacDonald
B Sir Gerald Templer
C Sir Geofroy Tory
D Lord Brassey

30 Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia?

A Bimbang pengaruh British dikekalkan
B Khuatir kehilangan sumber kekayaan
C Ingin mendapat kemerdekaan berasingan
D Anggap Malaysia sebagai penjajahan baharu

Bahagian A
[40 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

1 Dialog tersebut berkaitan waadat antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun.

Sang Sapurba:	Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun.
Demang Lebar Daun:	Baiklah Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah.

Sumber: W.G. Shellabear, 1995, Sejarah Melayu.
Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

(a) Apakah yang anda faham tentang konsep waadat?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka yang selaras dengan konsep waadat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Apakah kesan jika waadat tersebut tidak berlaku?
Beri penjelasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

2(a) Nyatakan **dua** negara yang mengamalkan ideologi komunis.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan usaha kerajaan untuk menangani ancaman komunis di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Baca pernyataan berikut.

Komunis ialah satu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara.

Mengapakah fahaman tersebut perlu ditolak oleh penduduk di negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

PEPERIKSAAN GEMPUR SPM TAHUN 2024
PERATURAN PEMARKAHAN
SEJARAH KERTAS 2

NOMBOR SOALAN		BUTIRAN	MARKAH
1(a)	F1	Perjanjian	1
	F2	Hubung kait pemerintah dan rakyat	1
	F3	Tanggungjawab pemerintah kepada rakyat	1
	F4	Tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah	1
	F5	Menjaga keharmonian/keamanan negara	1
	F6	Memelihara kedaulatan raja	1
	F7	Menjamin keselamatan rakyat	1
		[Mana-mana 2X1 m]	**[2 markah]**
1(b)	F1	Menunjukkan taat setia kepada pemerintah	1
	F2	Mematuhi segala arahan pemerintah	1
	F3	Tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa tulah	1
	F4	Menjadi tentera	1
	F5	Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong	1
	F6	Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang	1
	F7	Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah	1
	F8	Membina istana atau jalan	1
		[Mana-mana 4X1 m]	**[4 markah]**
			1
1(c)	F1	Tiada perjanjian khusus antara pemerintah dan rakyat	1
	F2	Hubungan pemerintah dan rakyat rapuh	1
	F3	Pemerintah tidak adil terhadap rakyat	1
	F4	Rakyat tidak setia akan pemerintah	1
	F5	Rakyat tidak menghormati pemerintah	1
	F6	Pemerintah bertindak kejam terhadap rakyat	1
	F7	Kemajuan negara terhalang	1
	F8	Menjejaskan keamanan negara	1
	F9	Kedaulatan raja terhapus	1
	F10	Rakyat tidak setia akan raja	1
		(Mana-mana jawapan berkaitan)	1
		[Mana-mana 4X1 m]	**[4 markah]**

NOMBOR SOALAN		BUTIRAN	MARKAH
3 a) (i)	F1	Kesultanan/pemerintahan beraja	1
	F2	Sultan merupakan pemerintah berdaulat	1
	F3	Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing	1
	F4	Selepas merdeka disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen	1
	F5	YDPA sebagai pemerintah tertinggi negara	1
	F6	Peringkat negeri, sultan/raja sebagai ketua negeri	1
	F7	Bahasa Melayu	1
	F8	Bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan KMM.	1
	F9	Bahasa Melayu mejadi bahasa lingua franca/bahasa ilmu.	1
	F10	Agama Islam	1
	F11	Raja Melayu tidak perlu menerima penasihat British	1
	F12	Selepas merdeka agama Islam diletakkan dibawah kuasa raja	1
	F13	Bagi wilayah Persekutuan/negeri tidak beraja diletakkan dibawah kuasaYDPA.	1
	F14	Kedudukan orang Melayu dan bumiputera	1
	F15	Sebelum merdeka dibawah kuasa raja/ketua peribumi.	1
	F16	Selepas merdeka, YDPA memelihara kedudukan istimewa orangMelayu/bumiputera/kepentingan sah kaum lain.	1
		(Mana-mana jawapan berkaitan) **[Mana-mana 3x1 m]**	**[3 markah]**
(ii)	F1	Kerajaan Persekutuan	1
	F2	Satu sistem kerajaan Persekutan diwujudkan	1
	F3	Laporan Suruhanjaya Perlembagaan menyarankan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberikan kuasa dalam bidang tertentu	1
	F4	Sarawak dan Sabah diberikan beberapa autonomi	1
	F5	Demokrasi Berparlimen	1
	F6	Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia	1
	F7	Asas demokrasi ialah pilihan raya	1
	F8	Tujuan untuk memberi kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin	1
	F9	Menubuhkan kerajaan	1
	F10	Kewarganegaraan	1
	F11	Mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui perjanjian PTM	1
	F12	Sebelum ini tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama	1
	F13	Rakyat dikategorikan kepada rakyat raja dan rakyat British	1
	F14	Selepas merdeka dan pembentukan Malaysia, lahir taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya	1
		(Mana-mana jawapan berkaitan) **[Mana-mana 3x1 m]**	1 **[3 markah]**
3 b)	F1	Mewujudkan pentadbiran yang mantap/ sistematik	**1**
	F2	Menjamin keadilan rakyat dalam pemerintahan kerajaan	**1**
	F3	Melindungi hak dan kedudukan istimewa warganegara Malaysia	**1**
	F4	Mengimbangi amalan demokrasi negara kita	**1**
	F5	Membuktikan warisan negara kita sejak zaman-berzaman	**1**

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Sejarah (50+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta